

# Kerajaan lulus peruntukan RM500 juta naik taraf HSA

**Johor Bahru:** Kerajaan meluluskan peruntukan RM500 juta untuk menaik taraf Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini, dengan pelaksanaan projek fasa pertama dibuat tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata proses tender kerja menaik taraf HSA yang turut termasuk pembinaan blok baharu dan parkir bertingkat akan dilaksanakan dalam masa terdekat bagi membolehkan ia disiapkan segera.

Beliau berkata, lawatan HSA itu dibuat selepas menerima laporan daripada Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa mengenai kesesakan di hospital ini yang sudah berbangkit sejak puluhan tahun lalu.

“Selepas Dr Zaliha bangkitkan isu kesesakan HSA dalam Kabinet beberapa bulan lalu, Kementerian Kewangan sudah mula ambil beberapa langkah segera.

“Ia termasuk kita luluskan pembinaan parkir bertingkat dengan kerajaan Johor ambil langkah segera untuk memudahkan orang ramai dengan bantuan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

“Bagi fasa pertama (naik taraf) hospital ini sahaja memerlukan setengah bilion ringgit. Saya mahu projek ini disegerakan.

“Oleh itu, untuk projek setengah bilion ini memang sudah diluluskan untuk fasa pertama

supaya ia dilaksanakan segera, saya minta ia dijalankan tahun ini juga,” katanya selepas meninjau kemudahan di HSA, semalam.

Selain Dr Zaliha, yang hadir sama Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Liew Chin Tong.

Pada 29 Ogos lalu, Onn Hafiz dilaporkan berkata, selain isu HSA yang sudah mencapai had kapasiti dalam menampung jumlah pesakit, isu pelawat atau pesakit yang sukar mendapatkan tempat meletak kenderaan turut menjadi perhatian.

Susulan itu, katanya, kerajaan Johor akan terus memohon kepada Kerajaan Persekutuan

supaya tempat meletak kenderaan bertingkat dibina di HSA bagi menangani isu kesesakan.

Katanya, isu kesesakan parkir menyebabkan banyak pelawat dan pesakit terpaksa meletakkan kenderaan mereka di tepi jalan utama yang akhirnya mengakibatkan keadaan lalu lintas di kawasan HSA menjadi sesak.

Sementara itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, projek pembangunan parkir bertingkat itu juga tidak harus mengganggu perancangan pembinaan beberapa blok baharu HSA.

“Mengikut Pengarah HSA (Dr Sal Atan) keluasan HSA hampir 40.46 hektar, jika kita gunakan pelan asal keluasan tanah ini

sudah mencukupi.

“Oleh demikian, rencana sekarang adalah membangunkan beberapa kompleks bangunan tingkat tinggi supaya dapat memenuhi keperluan pesakit.

“Saya lihat tadi kesesakan (di HSA) tidak dapat ditampung lagi. Jadi, proses tender akan dilakukan secara *fast track* dan dilaksanakan dalam masa terdekat,” katanya.

Mengenai rancangan pembinaan HSA 2 pula, Anwar berkata, kerajaan akan mendahulukan projek mendesak, manakala yang lain akan dimasukkan dalam Rancangan Kajian Sepuruh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan berikutnya.